

Kenakan hukuman lebih berat: PM

BH - 31/5/2020 m/s: 2

Kementerian Pengangkutan diarah rangka pindaan akta kesalahan babit pemandu mabuk

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) perlu dipinda supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap individu disabitkan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah mengarahkan Kementerian Pengangkutan merangka pindaan ke atas akta berkenaan be-

rikutan bilangan kes kemalangan jalan raya membabitkan pemandu mabuk dilihat semakin membimbangkan kebelakangan ini.

“Saya difahamkan pindaan akta ini akan dimuktamadkan pada pertengahan Jun ini sebelum dibawa ke Dewan Rakyat untuk dibentangkan pada persidangan akan datang.

“Pindaan ke atas Akta 333 diharapkan dapat menetapkan hukuman mandatori lebih berat dan setimpal terhadap pemandu mabuk yang menyebabkan kecederaan, apatah lagi kematian kepada pengguna jalan raya yang lain,” katanya dalam satu kenyataan di Facebook miliknya, semalam.

Perdana Menteri berkata, arahan itu sebagai maklum balas kepada keresahan rakyat mengenai kes kemalangan akibat pemandu mabuk apabila statistik polis sepanjang lima bulan pertama tahun ini mencatatkan 21 kes membabitkan pemandu mabuk, de-



“Sebagai ketua kerajaan yang juga seorang bapa, saya memahami keresahan rakyat dan keluarga mangsa kemalangan yang mahu kerajaan bertindak tegas menangani perkara ini.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

ngan lapan mangsa meninggal dunia.

Katanya, perkara itu sangat membimbangkan kerana jumlah yang direkodkan dalam tempoh lima bulan tahun ini menghampiri keseluruhan 23 kes yang dicatatkan sepanjang tahun lalu.

“Sebagai ketua kerajaan yang juga seorang bapa, saya memahami keresahan rakyat dan keluarga mangsa kemalangan yang mahu kerajaan bertindak tegas menangani perkara ini,” katanya.

Mengikut undang-undang sedia

ada, individu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan.

Bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh dihukum mengikut Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan penjara maksimum 12 bulan.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan, berkata kerajaan akan mengambil langkah segera bagi memastikan cadangan pindaan Akta 333 yang dimuktamadkan Kementerian Pengangkutan dibawa ke persidangan Parlimen dalam tempoh terdekat.

Katanya, antara pindaan dibuat bukan saja membabitkan peruntukan berkaitan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian iaitu Seksyen 44, Akta 333 tetapi juga memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan mengikut Seksyen 45 akta sama walaupun tidak terabit dalam apa-apa kemalangan.

Kerajaan, katanya, amat menyokong cadangan Kementerian Pengangkutan menetapkan hukuman penjara mandatori terhadap pemandu yang ditahan kerana memandu dalam keadaan mabuk (Seksyen 45) mengikut peruntukan sedia ada masih menjadi kuasa budi bicara mahkamah.

Beliau berkata, dengan meningkatkan kadar denda dan hukuman penjara selepas pindaan dibuat, Jabatan Peguam Negara boleh mendakwa pesalah di Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidang kuasa lebih tinggi.